

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

**HKB 314 – Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan
Amerika Latin**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. Di antara puncak pencapaian sastera semasa dunia ialah suatu fenomena yang dikenali dengan nama ‘realisme magis’. Apakah ciri-ciri gaya penulisan ini, dan pada pendapat anda, mengapakah gaya ini menjadi ikutan ramai penulis?
2. ‘Puisi Pablo Neruda dan Octavio Paz memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaan’. Dengan merujuk kepada beberapa buah sajak yang sesuai bincangkan pandangan ini.
3. Zaman ‘Boom’ adalah sebuah era revolusi dalam sastera Amerika Latin. Zaman dan gaya sebelumnya ditinggalkan dan beberapa eksperimen baru telah dimulakan. Apakah ciri-ciri penting karya zaman ini? Berikan bukti-bukti yang konkret untuk menyokong pendapat anda.
4. ‘Walau pun banyak unsur magis, fantastik atau dongeng yang diungkap dalam novel-novel Amerika Latin, namun masih terdapat juga unsur sejarah tempatan yang mengakarkan karya-karyanya kepada kenyataan.’ Bincangkan cara bagaimana sejarah itu dibangunkan dalam karya-karya tertentu.

5. Pilih seorang pengarang penting Amerika Latin dan perlihatkan kejayaannya sebagai seorang sasterawan yang telah mencipta gaya atau eksperimen yang dicontohi oleh pengarang lainnya.
6. Mengikut McMurray ‘Khayalan begitu jelas mencirikan *Sumpah Tujuh Keturunan*.’ Bagaimanakah, pada pendapat anda, ‘khayalan’ ini menyumbang kepada kejayaan karya-karya Marquez atau Borges atau Valenzuela?

- 000 0 000 -